


# PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PEMBANGUNAN LABUAN

Disediakan untuk:



LEMBAGA PEMBANGUNAN LABUAN

1998



**PENYELIDIK :**

**Kalsom Abd. Wahab (Ketua)**

BSc. Resource Economics (UPM'Sia)  
MSc. Entrepreneurial Studies (Stirling, UK)

**Prof. Datin Dr. Siti Maimon Hj. Kamso**

B. Com. (Newcastle, Australia), DMS (Wales, UK)  
MSc. Ind. Admin. (Aston, UK), PhD (Bath, UK)

**Mohd. Khairi Ismail**

BSc. (Indiana, USA)  
MBA (LSU Texas, USA)

*Universiti Malaysia Sabah  
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi  
Tel: 088 434001 Fax: 088 433981  
E-Mail: pejspe@ums.edu.my*



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## *Abstrak*

Tujuan kajian ini ialah mengkaji faktor yang boleh menggerakkan keterlibatan kaum Bumiputera dalam pembangunan Labuan selaras dengan hasrat pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Dengan itu merangkumi isu status penglibatan Bumiputera dalam aktiviti pembangunan, kejayaan dan potensi mereka, faktor penghalang, khidmat sokongan dan prospek penglibatan mereka. Penyiasatan telah dijalankan dalam dua peringkat. Peringkat pertama kepada 250 responden Bumiputera luarbandar bagi mengkaji status, profil faktor penghalang aktiviti Bumiputera. Peringkat kedua kepada peniaga Bumiputera di Labuan bagi mengkaji penglibatan, kejayaan dan potensi mereka. Sebanyak 120 soalselidik telah diberikan kepada peniaga Bumiputera dan sebanyak 30 soalselidik telah diberikan kepada organisasi kerajaan dan bukan kerajaan yang memberi khidmat sokongan kepada pembangunan Bumiputera Labuan. Penemuan menunjukkan kebanyakan etnik Bumiputera terdiri daripada sukubangsa Melayu Brunei (46.1%) dan Kedayan (23.3%). Daripada segi pencapaian akademik majoriti adalah pemegang lulusan sekolah menengah 64.4% dan sekolah rendah 20.6%. Potensi penglibatan dalam perniagaan adalah disebabkan dorongan meningkatkan pendapatan. Kemahiran yang dimiliki adalah mengukir kayu dan menganyam pandan. Manakala milikan harta dalam bentuk tanah dan rumah. Hampir 50% berminat untuk jadi usahawan dan menyokong pasangannya berniaga. Mereka memerlukan sokongan seperti modal, maklumat, kursus dan tempat berniaga untuk penglibatan yang bermakna. Walau bagaimanapun terdapat sikap negatif di kalangan rakyat dan kurangnya maklumat pembangunan yang menjadi kekangan. Usahawan Bumiputera yang disoalselidik menyatakan potensi perniagaan masa depan adalah dalam bidang kompleks membeli belah, makanan, jualan langsung, industri kecil dan sederhana dan berteknologi maklumat. Terdapat beberapa kekangan yang dihadapi oleh Bumiputera iaitu pengurusan, kerjasama agensi kerajaan dan kewangan.